



ZULFAQAR International Journal of Politics, Defence & Security

Journal homepage: www.zulfaqar.upnm.edu.my



Hubungan Kaum di Tanah Melayu dalam Tempoh Pelaksanaan Polisi Disentralisasi (1929-1932)

Ethnic Relation in Malaya During The Implementation of Decentralization Policy (1929-1932)

Wan Norhasniah Wan Husin^{a,*}, Amnah Saayah Ismail^a

^a Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000, Kuala Lumpur

*Corresponding author: hasniah@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received
18/08/14
Received in revised
21/11/14
Accepted
21/11/14
Available online

Keywords:

Polisi desentralisasi;
Tentera british;
Bangsa melayu;
Bangsa bukan melayu

Decentralization policy,
British military, Malay
ethnic, non-Malay ethnic

ABSTRAK: *Matlamat untuk memupuk semangat kesatuan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Tanah Melayu bukan agenda utama pihak British sebelum tahun 1945. Kesan daripada Revolusi di Perancis dan era perindustrian di Eropah Barat, kemunculan ketenteraan British di Alam Melayu, terutamanya di Tanah Melayu lebih memfokuskan matlamat pembangunan negaranya. Justeru bagi mencapai misi terbabit, polisi desentralisasi (decentralization – pengagihan kuasa) telah dilaksanakan sekitar tahun 1929. Ia adalah satu bentuk dasar yang bertujuan untuk mengekang penguasaan ekonomi bukan Melayu, terutamanya etnik Cina terhadap sumber kekayaan yang terdapat di Tanah Melayu. Tindakan British menggambarkan kuasa politiknya lebih kepada melindungi hak kebajikan bangsa Melayu berbanding dengan pembelaan terhadap hak kepentingan kaum bukan Melayu. Ini kerana salah satu matlamat pelaksanaannya adalah untuk melindungi kedudukan Raja-raja dan anggota masyarakatnya. Untuk mengenal pasti sejauh mana pihak British menjaga hak-hak komuniti Melayu, reaksi bangsa Melayu dan bangsa bukan Melayu terhadap usul berkenaan, kajian ini akan menganalisis polisi desentralisasi dengan memfokuskan kepada aspek hubungan kaum yang membabitkan ketiga-tiga pihak berkaitan. Bagi memenuhi matlamat kajian kaedah analisa teks (textual analysis) akan digunakan. Dapatan dari kajian menunjukkan bahawa, setiap komuniti etnik di Tanah Melayu dalam tempoh berkenaan berusaha untuk melindungi dan menjaga hak kepentingan masing-masing. Sejauh mana kerjasama dan konflik akan terbentuk dalam tempoh pelaksanaan polisi terbabit, ia bergantung kepada sikap dan perlakuan setiap komuniti etnik terbabit.*

Forging the spirit of cooperation among the ethnics in Malaya was not a main agenda for British before 1945. The knowledge development of post French revolution followed by the era of industrial revolution in the West, triggered the need for raw material as well as the market of the produced good, had pushed the British to come and colonize Malaya. To make the administration more efficient, they introduced a policy called decentralization in 1929. It was a policy to control the economy and administration of Malaya and to limit the non-Malays especially the Chinese from dominating the country wealth. This policy was also intended to safeguard the welfare of the Malays from being overwhelmed by the non-Malays besides preserving and defending the position of the Malay Sultans and their subjects. To evaluate the extent of this policy in safeguarding the Malay interests and how the Malays and non-Malay had reacted, this study will analyze the effect of this policy on the ethnic

ISSN: 2289-6813
Type: Article

relation between the Malays and the non-Malays. This work is based on textual analysis from various sources and it was found that, during the implementation of the policy every ethnic was defending their interests and the approach towards cooperation or conflicts depend on the attitude and characters of each ethnic.

© 2014 UPNM Press. All rights reserved.

1. Pendahuluan

Dengan kemunculan ketenteraan British di Tanah Melayu, nilai Ketuanan Politik Melayu mulai tergugat. Pihak British bukan sahaja memperkenalkan polisi yang bertembungan dengan unsur-unsur budaya Melayu, tetapi juga mengubah komposisi masyarakat dari bersifat serumpun kepada sebuah masyarakat majmuk¹. Penghakisan nilai Kemelayuan-Islam mulai terungkap dalam aspek sosio-budaya apabila British menggalakkan kemasukan kaum pendatang yang terdiri daripada etnik Cina dan etnik India yang bukan sahaja berbeza rupa paras, tetapi juga warisan budaya bagi memenuhi keperluan tenaga buruh (Philip, 1975: 1). Persoalan yang berbangkit ialah, bagaimana setiap pihak berhadapan dengan kerenah penjajah apabila dasar *pro-etnik* tertentu dilaksanakan, dan mengapa dasar terbabit lebih berpihak kepada kaum Melayu berbanding dengan kaum Cina. Bagi menjawab persoalan berkaitan, polisi desentralisasi yang telah diperkenalkan oleh pihak British dari tahun 1929 sehingga 1932 akan dianalisis. Polisi ini muncul dari idea British dengan matlamat untuk memenuhi kehendak ekonomi British dan melindungi unsur budaya Melayu dari ancaman kaum pendatang, terutamanya etnik Cina. Oleh kerana kaum Cina paling dominan di Tanah Melayu dalam tempoh tersebut, justeru hubungan kaum lebih tertumpu di antara kaum Melayu yang dirujuk sebagai penduduk asal, dengan kaum Cina yang dikategorikan sebagai pendatang kerana belum memperolehi hak kewarganegaraan.

Setakat kajian yang dibuat, belum ada sarjana yang mengulas hubungan kaum di Tanah Melayu dalam tempoh pelaksanaan polisi desentralisasi. Kajian yang ada lebih tertumpu kepada sejarah pelaksanaan polisi terbabit berserta permasalahan di antara pihak British dengan etnik Cina, dan juga di antara komuniti Melayu dengan etnik Cina sebagaimana yang dibahaskan oleh Yeo (1982), Emerson (1966), Collin, (2004) dan Sindhu (1966). Kebanyakan mereka hanya membahaskan isu yang timbul dalam tempoh tersebut tanpa mengaitkannya dengan mana-mana perspektif, sama ada sejarah, budaya ataupun peradaban.

Justeru, penulisan ini akan mengkaji dari sudut yang baharu iaitu dengan menganalisis polisi tersebut dari sudut hubungan kaum, dengan memfokuskan tiga pihak iaitu, kerajaan British, kaum Melayu dan kaum bukan Melayu, terutamanya etnik Cina. Bagi memenuhi matlamat kajian, kaedah analisa teks dan sejarah akan diketengahkan.

1.1 Latar Belakang Kemajmukan Masyarakat di Tanah Melayu dan Pentadbiran British

Di zaman Neolitik (2500 tahun dahulu), Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan di Asia Tenggara telah dikunjungi oleh masyarakat Melayu dari daerah Yunan yang digelar sebagai Melayu-Proto, Melayu-Tua ataupun Melayu-Purba. Manakala di Tanah Melayu, mereka dikenali sebagai kaum Melayu yang merupakan penduduk asal wilayah terbabit. Kedudukan ini menjadi lebih utuh selepas penjajah British memperkenalkannya sebagai '*Lands of the Malays*' yang merujuk status mereka selaku penduduk asal di wilayah tersebut (Yeo Kim Wah, 1982: 16). Sebelum abad ke 15, kerajaan Melayu-Islam Melaka telah membina sebuah peradaban Melayu yang berpengaruh selama lebih 1500 tahun. Sejarah telah menunjukkan bahawa Tanah Melayu telah dijajah oleh tiga buah kuasa Eropah Barat selama lebih kurang 450 tahun. Ia bermula dengan penjajahan Portugis, kemudian diikuti oleh Belanda dan seterusnya diakhiri oleh penguasaan British. Dalam tempoh penjajahan British, Tanah Melayu telah diduduki pula oleh ketenteraan Jepun selama dua tahun setengah (1940-1942). Di antara keempat-empat penjajah terbabit, pihak British paling banyak memberi kesan ke atas Tanah Melayu.

¹ Menurut Furnivall (1948: viii), sifat masyarakat majmuk ialah, wujud suatu keadaan di mana walaupun setiap komuniti bangsa hidup bersama, namun interaksi tidak berlaku secara menyeluruh. Ia lebih melibatkan peringkat luaran semata-mata, seperti interaksi di pasar-pasar dalam bentuk yang formal.

Sebelum tibanya ketenteraan British, Tanah Melayu telah pun didiami oleh kaum Melayu dengan nilai Kemelayuan-Islam yang teradun dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegeri. Namun kedua-dua nilai terbabit beransur pudar apabila pihak British mulai menyemai nilai keinggerisan ke dalam sistem politik Melayu melalui pembinaan pentadbiran baharu iaitu, Negeri-negeri Selat (NNS), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB).

Kesan dari penjajahan menyebabkan keagungan empayar Melayu-Islam yang dibina sebelum ini musnah disebabkan agenda penjajahan Barat. Mereka bukan setakat mengaut sumber material di negara jajahan, tetapi yang paling utama adalah mengubah susur galur sejarah dan rupa bentuk komposisi masyarakat di Tanah Melayu (Abdul Rahman, 2000: 37-38). Peningkatan kemasukan kaum bukan Melayu, terutamanya etnik Cina semakin ketara apabila dasar politik British telah membenarkan kemasukan Cina kuli (*Huagong* ataupun *Singkeh*) pada pertengahan abad ke 19 sehingga ke tahun 1934. Kesannya, komposisi etnik di Tanah Melayu telah mengalami perubahan yang ketara iaitu, dari masyarakat yang berkongsi unsur budaya yang sama, kepada masyarakat majmuk yang bertembungan adat resam, sistem nilai, warisan budaya dan peradaban.

Untuk mengukuhkan kedudukan politik di Tanah Melayu, pihak British telah mentadbir dengan berpegang kepada sistem nilai dan kepercayaan bahawa bangsa kulit putih sebagai kelompok yang hebat '*white man's superior*'. Berpaksakan kepada nilai ini, segala ideologi Barat telah diketengahkan bagi memperkasakan penjajahan di Tanah Melayu dan mengelakkan persaingan dengan penduduk tempatan dan juga kaum pendatang. Antara ideologi yang digunakan iaitu, melabelkan penduduk tempatan sebagai bangsa yang pemalas (*lazy natives*) dan pentadbiran British adalah lebih baik (*a good government*) berbanding dengan sistem pentadbiran masyarakat jajahan (Collin, 2004: 20-30). Untuk mengesahkan kemunduran dan kelemahan kaum Melayu dan mengabsahkan pentadbiran British di wilayah jajahan, para pegawai British akan mengkaji terlebih dahulu selok belok budaya Melayu, pensejarahan, bentuk bahasa, adat resam, hal ehwal keagamaan, tahap pendidikan, status sosial, sifat dan perlakuan Melayu serta kelemahan yang dimiliki (Shamsul Amri 2004: 90). Melalui sasi, hubungan kaum dan maya memahami budaya dan sifat-sifat kaum Melayu, dan seterusnya mampu meyakinkan mereka bahawa sistem pemerintahan dan pentadbiran yang dimiliki sememangnya mundur dan jauh terkebelakang dan mereka sememangnya memerlukan bantuan dari pihak British. Misalnya, kegagalan pentadbir Melayu membanteras jenayah lanun di perairan Melayu telah digunakan oleh British untuk membolehkan mereka memasuki kawasan Selat Melaka bagi membantu para pegawai Melayu membanteras kegiatan terbabit (Swettenham, 1948). Berpaksakan kepada sebab yang munasabah ini, ia telah mendorong Raja-raja Melayu untuk menerima campurtangan British dalam Sistem Pentadbiran Melayu.

Bagi mengelakkan permasalahan dan konflik dalam hubungan kaum pada waktu itu, pihak British telah mengaplikasikan dasar mengelakkan konflik di antara kaum Melayu selaku penduduk asal, dengan kaum pendatang, terutamanya etnik Cina. Dengan suasana kemajmukan masyarakat di Tanah Melayu yang semakin meningkat, ia telah mendorong pihak British untuk menjalankan dasar pecah dan perintah (*divide and rule*) yang mengasingkan kaum Melayu dan Cina dari segi penempatan, pekerjaan dan pendidikan (Furnivall, 1948: 304). Matlamat utamanya adalah untuk memudahkan pihak British mengaut keuntungan dan mentadbir Tanah Melayu tanpa adanya sebarang ketegangan hubungan kaum di antara etnik yang berbeza. Justeru, pihak British telah memberi kebebasan kepada etnik Cina untuk mengembangkan penguasaan ekonomi, mendirikan perkampungan Cina, menubuhkan sekolah Cina dan seterusnya mempraktikkan segala amalan kecinaan yang terangkum dalam budaya Cina. Di peringkat awal hubungan kaum di antara etnik Cina dengan pihak British berjalan lancar kerana masing-masing mempunyai hak kepentingan bersama (Milner, 2003).

Namun ketegangan hubungan kaum di antara pihak British dengan etnik Cina, dan seterusnya komuniti Melayu dengan etnik Cina mulai terungkap setelah berlaku beberapa peristiwa di Tanah Melayu. Antaranya, timbul masalah kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1929, polisi Tanah Rezab Melayu, polisi desentralisasi dan dasar Pro-Melayu pada tahun 1930 (Collin 2004: 192, 313 & 318). Suasana menjadi semakin tegang setelah berlakunya peningkatan populasi etnik Cina kepada 39%, manakala jumlah kaum Melayu pula adalah seramai 44.7% pada tahun 1931 (A Report on The 1931 Census: 36-37). Oleh itu apabila British mengetengahkan slogan 'Tanah Melayu sebagai hak milik bangsa Melayu', dengan tujuan untuk meraih sokongan kaum Melayu bagi membantu British menentang pergerakan Komunis dan Kuomintang, ia seterusnya telah mendapat sokongan padu dari kaum Melayu kerana telah mengembalikan semula kedudukan Tanah Melayu sebagai wilayah tanah asal mereka. Tindakan British lebih cenderung untuk mempraktikkan dasar *pro-Melayu* dan tidak kepada *pro-Cina* berkait rapat dengan sikap dan perlakuan yang dipaparkan oleh kedua-dua kaum berkenaan ketika memberi reaksi balas sewaktu berhadapan dengan dasar *pro-etnik* yang tidak berpihak kepada mereka.

Untuk memahami perkara berkaitan, polisi desentralisasi akan dianalisa menerusi kajian hubungan kaum.

2.1 Pelaksanaan Polisi Desentralisasi (1929-1932) di Tanah Melayu

Sekitar tahun 1929, pihak British telah mengemukakan idea pelaksanaan polisi desentralisasi (pengagihan kuasa) bagi memulihkan keadaan di Tanah Melayu dengan berpandukan kepada matlamat-matlamat tertentu. Antaranya pertama, pihak British merasa simpati dengan kedudukan Raja-Raja Melayu disebabkan Residen General begitu berkuasa. Menerusi *Federal Council*, Sir John Anderson telah mengemukakan pandangannya dengan mencadangkan penetapan kedudukan Pesuruhjaya Tinggi (*High Commissioner*) sebagai Presiden, manakala Raja-raja Melayu dan Residen sebagai ahli. Idea Anderson ini kemudiannya telah direalisasikan oleh Sir Cecil Clementi secara menghapuskan kuasa Ketua Setiausaha (*Chief Secretary*), dan tidak akan mengehendkan kuasa Sultan (Sindhu 1966: 18-20). Kedua, berlakunya kemelesetan ekonomi dunia menerusi penurunan harga barang dagangan sehingga mencetuskan krisis kewangan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NMB). Bagi mengatasi masalah terbabit, pihak British memerlukan bantuan dari Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NMTB) untuk membantu NMB. Oleh kerana ia melibatkan kemasukan kuasa British ke dalam NMTB secara lebih meluas, cadangan berkenaan telah mencetuskan penentangan dari Raja-raja Melayu di NMTB kerana enggan menerima nasib sebagaimana Raja-raja Melayu di NMB. Memandangkan pendapatan kerajaan British dan juga etnik Cina bergantung kepada hasil getah dan timah (Silcock, 1959: 186), oleh itu etnik Cina dan etnik India yang paling terasa, terutamanya apabila melibatkan pembuangan pekerja dalam sektor berkenaan. *Ketiga*, ia merupakan kaedah yang digunakan oleh British untuk memudahkan mereka mengendalikan Majlis-majlis Negeri (Emerson, 1966; Ongkili, 1980: 3).

Apabila British meletakkan dasar simpati dan *Pro-Melayu* sebagai punca utama ke arah pembentukan desentralisasi, hubungan kaum dan matlamat perjuangan di antara kaum Melayu dengan etnik Cina menjadi tegang. Ia bermula apabila ketua Cina Selat secara lantang mempertikaikan hak milik Tanah Melayu bukan berada di tangan Melayu semata-mata tetapi juga dimiliki oleh etnik bukan Melayu dan rasa ketidakpuasan hati ini diluahkan melalui slogan, '*Malaya untuk seluruh komuniti di Tanah Melayu ataupun Malaysians*'. Kelantangan ancaman etnik Cina telah mengundang kemarahan kaum Melayu dan reaksi mereka untuk mempertahankan haknya dengan memugarkan semula slogan, '*Tanah Melayu untuk Melayu*' (*Malaya for Malays*) yang telah pun diisytiharkan oleh British (Comber, 1983: 16-17).

2.1.1 Tindak Balas Kaum Melayu dan Cina Terhadap Polisi Desentralisasi

Bagi kaum Melayu, ada di antara yang menyokong polisi berkenaan dan ada juga yang menentang. Justeru, dalam hal ini ia bergantung kepada persepsi kelompok tersebut terhadap polisi yang diketengahkan oleh British.

Sesetengah bangsa Melayu menyokong polisi ini kerana ia memperkasakan pengukuhan politik Melayu (Collin, 2004: 356-357; Comber 1983: 19) yang selama ini dikawal oleh Ketua Setiausaha (*Chief Secretary*). Sebelum tahun 1930-an, banyak perubahan yang tercetus di Tanah Melayu telah dipersepsikan sebagai ancaman terhadap Ketuanan Politik Melayu. Ketiadaan kesatuan di antara Sultan di NMB dan NMTB serta campur tangan British yang lebih berkuasa di NMB berbanding dengan NMTB, mendorong para Sultan memberi reaksi yang berbeza. Sultan di NMTB menentang keras kerana tindakan British telah dipersepsikan sebagai meluaskan lingkungan jajahan British yang lebih sistematik (Sindhu 1966: 18-20).

Kesan kemelesetan ekonomi, kaum Melayu berhadapan dengan cengkaman hutang dari kaum bukan Melayu, terutamanya dari etnik Cina dan etnik India. Sikap suka berhutang yang tidak bertujuan mewujudkan modal, bukan sahaja disebabkan oleh sifat Melayu yang boros, cepat merasa cukup dengan apa yang diperolehi dan tidak memahami konsep nilai harta, tetapi juga terikat dengan usaha etnik Cina dan etnik India yang cuba memperdayakan kaum Melayu supaya menjadi 'hamba' ekonomi mereka. Ini terungkap melalui masalah hutang Melayu, yang terbahagi kepada dua bahagian. *Pertama*, iaitu hutang dengan para pekedai, pengilang padi dan peniaga-peniaga Cina. Di sini etnik Cina berperanan menyediakan 'hutang jangka pendek' dan 'jangka sederhana' untuk para petani yang tidak mempunyai wang simpanan bagi menguruskan hasil tani. Dengan bertindak sebagai '*orang tengah*' untuk membeli barang keluaran Melayu dan memanipulasi harga belian, ia akan memerangkapkan etnik berkenaan supaya sentiasa berada dalam belitan hutang dan hidup dalam keadaan tertekan. *Kedua*, hutang

penggadaian dan pembajakan tanah kepada ceti-ceti India. Jika diperhatikan pada tahun 1933, dari jumlah 2,301 kebun getah yang melebihi 100 ekar, hanya 59 buah sahaja yang menjadi hak milik Melayu (Roff, 1975: 219)². Sebahagian yang lain telah dijual dan dipajak disebabkan keborosan dan juga pujukan ceti-ceti. Disebabkan kekurangan pengetahuan dalam pengurusan kewangan dan ekonomi hasil adunan Sistem Nilai yang diwarisi, ia telah menyedarkan Melayu kelas atasan untuk berunding dengan British bagi melindungi komunitinya dari menjadi mangsa etnik bukan Melayu (Comber, 1983: 23). Hasilnya, satu Rang Undang-undang Pekebun-pekebun Kecil yang membataskan penjualan tanah Melayu kepada bukan Melayu telah diluluskan oleh British bagi melindungi kaum Melayu dari cengkaman tipu daya etnik Cina dan etnik India. Antaranya, setiap penjualan tanah mesti mendapat izin Raja dan Majlis Negeri dan dua tahun kemudian, Rang Undang-undang Kawasan Simpanan Melayu telah dirangka untuk menyukarkan urusan jual beli tanah di kawasan-kawasan Melayu (Roff, 1975: 221).

Matlamat utama peruntukan Tanah Simpanan Melayu adalah untuk memastikan agar sebahagian daripada tanah berada di tangan Melayu (Mahathir, 1970: 86). Peruntukan ini penting kerana sebelum ini konsep pemilikan tanah tidak timbul dan mereka juga berhadapan dengan kerenah etnik bukan Melayu. Nilai tradisi Melayu hanya menggariskan iaitu, setiap etnik bebas menguruskan mana-mana tanah tanpa memerlukan pemilikannya, dan apabila tanah berkenaan sudah hilang kesuburannya, mereka berhak untuk berpindah ke kawasan baru (Khazin, 2001: 80). Selain itu, kedudukan ekonomi Melayu terutamanya kelas bawahan yang berada di tahap rendah berbanding dengan kaum penjajah dan etnik Cina, telah mendedahkan kepada faktor penipuan. Walaupun pemimpin Melayu berkuasa untuk melindungi hak komunitinya dari diancam, namun pemupukan nilai kepentingan harta dalam lingkungan kelas atasan, mudah termakan budi, cepat mengalah, senang bertolak ansur dan cepat meletakkan hubungan baik sebagai ikatan persahabatan, secara tidak langsung telah memberi laluan mudah kepada etnik bukan Melayu untuk mengaut keuntungan. Akibatnya, sepanjang penjajahan British, banyak tanah-tanah telah terjual dan sekiranya tiada undang-undang yang ketat, berkemungkinan kaum Melayu akan menjadi penyewa kepada tuan tanah pendatang asing (Mahathir, 1970: 84). Jika ini berterusan, Tanah Melayu hanya tinggal pada namanya sahaja Melayu, sedangkan hasil sumber dan kawasannya dikuasai oleh etnik bukan Melayu.

Selain dari kemelesetan ekonomi dunia, kaum Melayu menyokong desentralisasi sebagai reaksi balas terhadap kebangkitan semangat nasionalisme Cina di sekitar 1920-an kesan dari peristiwa di Tanah Besar China dan permintaan golongan Cina Selat untuk meminta persamaan taraf dengan kaum Melayu. Setelah etnik Cina Selat mengaut kekayaan di Tanah Melayu, mereka cuba pula mendapatkan hak yang lebih besar dalam bidang politik dan pentadbiran negara. Ancaman terhadap Ketuanan Politik Melayu sudah lama dirasai apabila kuasa Raja-raja telah dihadkan dan kepentingan kaum Melayu mula diabaikan oleh Ketua Setiausaha. Sebagai langkah perlindungan, Melayu kelas atasan telah berunding dengan pihak British agar menilai semula perjanjian Pangkor yang menyebut (Roff, 1975: 215 & 233);

'Pihak Raja hendaklah dilayan sebagai Raja, dengan Residen sebagai penasihat melalui dasar kerjasama dengan Raja Melayu hasil yang diputuskan melalui perundingan dengan Majlis Undangan Negeri'

Dalam situasi sebegini, Sultan Iskandar Shah telah berlepas ke London bukan untuk mempertikaikan kekuasaan British, tetapi untuk berbincang mengenai pengembalian hak kuasa Sultan sebagaimana yang termaktub di dalam perjanjian berkenaan. Hasil rundingan dan kesabaran Melayu selama 13 tahun, Majlis Undangan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah diperbaharui dengan memasukkan keanggotaan Melayu tidak rasmi. Kelas ini dikenali sebagai golongan aristokrat Melayu dan yang kemudiannya berperanan besar dalam melindungi hak kaum Melayu secara menyeluruh. Golongan ini telah menggunakan peluang yang ada untuk membantu Melayu kelas bawahan melalui jalinan kerjasama dan rundingan dengan pihak British. Raja Chulan misalnya, telah meminta peluang pekerjaan dibuka kepada kaum Melayu walaupun mereka tidak tahu berbahasa Inggeris. Manakala Dato' Abdullah pula meminta pihak British supaya memperbanyakkan Tanah Simpanan Melayu kerana mereka tidak berpengetahuan untuk menguruskan ladang-ladang besar dan turut berusaha memajukan kawasan penanaman padi. Mereka juga turut berunding dengan pihak British agar anak-anak Melayu diserap dalam Jabatan Teknik seperti kerja raya, pos keretapi dan meminta kenaikan pangkat para pegawai Melayu dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (*Malay Administration Service* - M.A.S) kepada Perkhidmatan Awam Malaya (*Malayan Civil Service*

² Sebelum zaman kemelesetan ekonomi, pekerjaan sebagai tenaga buruh di ladang-ladang getah yang menguntungkan hanya diceburi oleh kaum Cina dan India. Sedangkan jumlah tenaga Melayu yang terlibat hanyalah sedikit, iaitu 7, 373 berbanding dengan 37,863 Cina dan 203,076 India.

- M.C.S) serta memohon supaya kaum Melayu tidak terlibat dalam pembuangan kakitangan semasa zaman kemelesetan ekonomi (Roff 1975: 217 & 219).

Meskipun begitu, terdapat segelintir kaum Melayu yang menentang polisi desentralisasi. Bagi bangsa Melayu yang berada bawah pergerakan Kesatuan Melayu Muda (KMM), golongan intelektual Melayu telah menentang keras cadangan desentralisasi, kerana mendapati kedudukan kaum Melayu akan terpinggir disebabkan pengurangan kuasa Sultan dan Majlis Negeri (*State Council*). Malah polisi ini juga akan menggagalkan penyerapan tenaga bangsa Melayu dalam bidang pentadbiran dan menghakiskan peningkatan bahasa dan budaya Melayu (Ratnam, 1965: 15).

Bagi **etnik Cina**, reaksi mereka juga terpecah kepada matlamat yang ingin di capai oleh kelompok tertentu. Kelompok Cina Selat yang sudah lama berada di Tanah Melayu, polisi desentralisasi dipersepsikan sebagai dasar *Pro-Melayu* yang memberi keutamaan kepada kaum Melayu untuk memegang jawatan rendah kerajaan dan telah mengancam kepentingan pekerjaannya (Roff 1975: 223). Manakala dasar yang tidak mengindahkan perkembangan kuasa Sultan pula dipersepsikan sebagai satu ancaman besar terhadap perkembangan ekonominya. Umpamanya di Kelantan, tindakan kerajaan yang memberikan keutamaan kepada kaum Melayu, menyebabkan ekonomi Cina terganggu apabila kontrak kerajaan negeri tidak diberikan kepada mereka. Malah, rayuan mereka untuk mendapatkan Tanah Padi telah ditolak oleh Jawatankuasa Penanaman Padi (*Rice Cultivation Committee*). Ketiadaan Ketua Setiausaha juga turut dibimbangi, kerana berkemungkinan penyekatan kebebasan dalam perdagangan akan memberi kerugian terhadap politik dan ekonomi Cina (Sindhu, 1966: 21).

Penolakan British terhadap rayuan etnik Cina berkait rapat dengan sikap mereka. Dalam tempoh tersebut, British berhadapan dengan ancaman dari pergerakan Kuomintang yang sedang mengembangkan ideologi 'anti-imperialis', dan pada waktu yang sama orientasi politik Cina pendatang yang lebih kepada Tanah Besar China yang lebih bersikap anti British. Atas alasan ini, British memberi reaksi balas dengan bersikap pro-Melayu (Bavier, 1947; Emerson 1966: 511). Walaupun golongan Cina Selat begitu berpegang kepada dasar *Pro-British*, tetapi kesukaran untuk membezakan di antara Cina Selat, Komunis ataupun Kuomintang telah mendorong British untuk mengenakan tindakan yang sama (Png 1962: 214-225). Memandangkan sewaktu zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia (1929-1932), etnik Cina dan etnik bukan Melayu paling ramai terjejas kerana ia melibatkan kejatuhan pasaran timah dan juga getah, sehingga ramai di antara mereka yang terpaksa diberhentikan. Situasi ini telah digunakan oleh British untuk menyingkirkan etnik Cina dari memegang jawatan pentadbiran kerajaan, seperti jawatan pembentukan Dasar Negara. Ini kerana, wakil-wakil Cina merupakan sebahagian kecil dari wakil tidak rasmi yang berada dalam Majlis Undangan Negeri Melayu Bersekutu dan Majlis Undangan Negeri Selat (Roff 1975: 223). Bagi golongan Cina Selat, mereka enggan melibatkan diri dengan perubahan politik di Tanah Besar, tetapi lebih menekankan perlindungan hak ekonomi dan kekayaan di Tanah Melayu. Justeru itu, ketua Cina Selat telah membangkang sekerasnya polisi desentralisasi dan menolak slogan '*Tanah Melayu untuk etnik Melayu*' (*Malaya for Malays*). Kelantangan Cina Selat mengkritik dasar kerajaan semakin menjadi-jadi apabila populasi mereka meningkat kepada 31% pada tahun 1931, berbanding dengan 21% pada tahun 1921. Alasannya ialah, pengabdian mereka terhadap Tanah Melayu sebagai negara lahir (*country of birth*) patut diberi penghargaan. Manakala ketiadaan polisi yang boleh memenangi hati etnik Cina Selat dan etnik Cina pendatang menyebabkan mereka sukar untuk mengukuhkan semangat cintakan Tanah Melayu (Comber 1983: 16-18). sehingga menggagalkan pemupukan nilai kesetiaan dari seluruh etnik Cina. Hakikatnya ia merupakan muslihat etnik Cina semata-mata, kerana persoalannya di sini bukanlah ketiadaan polisi, tetapi kerana sikap etnik Cina itu sendiri yang mahukan setiap polisi digubal supaya memberi keuntungan kepada mereka dan bukannya untuk kaum Melayu selaku penduduk asal.

2.1.2 Reaksi dan Perlakuan kaum Melayu dan Cina Terhadap Polisi Desentralisasi

Ketidakpuasan hati etnik Cina dengan dasar *pro-Melayu* melalui polisi desentralisasi telah diluahkan melalui kata-kata yang berbau provokasi. Apabila hak kepentingan mereka diancam, nilai Kecinaan terserlah melalui tindakan menafikan hak kaum Melayu. Antaranya, *pertama*, mereka menyelar polisi disentralisasi dan dasar *Pro-Melayu* secara lantang. *Kedua*, polisi desentralisasi ditolak kerana enggan berada di bawah naungan Raja-raja Melayu. *Ketiga*, mendesak agar etnik bukan Melayu diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Malaya (Soh 1960: 29-55). *Keempat*, menafikan kedudukan kaum Melayu selaku penduduk asal melalui kata-kata yang berbau provokasi salah seorang anggota Cina Majlis Undangan Negeri-negeri Selat sehingga membakar kesabaran Melayu (Al-Ikhwan, 1931:182).

'Siapa kata ini negeri Melayu...Apabila Kapten Light datang ke mari adakah dijumpai orang Melayu? Nenek moyang kita telah datang ke negeri ini dan telah bekerja dengan kuat menjadi kuli-tidak ada malu dengan sebab menjadi kuli dan mereka itu tidak menghantarkan wangnya balik ke negeri China. Mereka itu kahwin dan membelanjakan wangnya di sini dan dengan jalan itu dapatlah kerajaan membuka negeri ini daripada hutan menjadi kepada negeri yang bertamadun. Kita sudah menjadi sebatian dengan negeri ini. Ini kita punya negeri...'

Kata-kata berkenaan dipersepsikan oleh kaum Melayu sebagai tindakan untuk menafikan hak mereka selaku penduduk asal. Walaupun etnik Cina telah mencabar nilai Ketuanan Politik Melayu sehingga merenjiskan api kemarahan (Comber, 1983: 25), namun mereka membidasnya dengan kata-kata yang berlapik (Roff, 1975: 234).

'Jika seseorang tukang rumah digunakan tenaganya untuk membina rumah dan dibayar cukup kerana kerja-kerja itu, maka mereka tidak berhak untuk mendapatkan hak milik di dalamnya'.

Bagi kaum Melayu, mereka tidak menafikan hak kepentingan etnik Cina yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat kerana etnik ini dikira berada di bawah naungan British dan berhak untuk memperolehi kerakyatan di sana (Roff, 1975: 224). Namun, untuk membuka ruang hak kerakyatan kepada etnik Cina di NMB dan NMTB, ia adalah sesuatu yang mustahil. Bagi Raja-raja Melayu, mereka melihat kekuasaannya adalah untuk menaungi kaum Melayu semata-mata dan bukannya etnik Cina (Ramlah, 1996: 9). Malah untuk mendapatkan nilai kesetiaan etnik Cina merupakan sesuatu yang mustahil kerana dasar kerakyatan negara China yang menekankan kaedah *Jus Sanguinis* iaitu mana-mana individu Cina tetap dikira berkerakyatan China tanpa mengambil kira di mana berada mereka, selagi mereka itu dari bangsa Han (Ghazalie, 1995: 117). Oleh itu, sekiranya hak kerakyatan dibuka kepada etnik Cina, kaum Melayu yang akan ditimpa kesusahan kerana mereka bukan sahaja terpaksa berkongsi negara dengan komuniti yang tidak sebangsa, tetapi turut meragui tahap kesetiannya terhadap Tanah Melayu.

3.1 Kesimpulan

Rumusan dari hubungan kaum dalam pelaksanaan polisi desentralisasi didapati ia berpihak kepada kaum Melayu. Menurut Roff (1975: 225), benteng pertahanan Melayu menjadi utuh kerana dalam apa jua keadaan sekalipun, British tetap berada di belakangnya dan bertindak sebagai pelindung politik, ekonomi dan pendidikan Melayu. Dengan berpaksikan kepada nilai permuafakatan, berpegang kepada janji, saling hormat menghormati dan kesabaran, kaum Melayu berjaya memenangi hati komuniti *Anglo-Saxon* yang begitu berbangga dengan 'keunggulannya' (*superiority*), tanpa menggunakan kekerasan, pertumpahan darah ataupun kata-kata yang berbau provokasi. Manakala dasar British tidak bersifat *pro-Cina* kerana merasa terancam dengan sifat Cina yang terlalu agresif dan cuba menggugat kehegemoniannya. Propaganda 'anti-Inggeris ataupun anti-imperialis' yang dibawa oleh pergerakan *Kuomintang* dan Komunis telah mengancam pentadbiran British, sehingga menyebabkan keikhlasan etnik Cina dipertikaikan. Ini boleh dilihat sewaktu perubahan politik di Tanah Besar China. Walaupun kelompok Cina Selat mengakui mereka bersifat *Pro-British* melalui penubuhan *Straits Chinese British Association* (SCBA) (Song, 1967: 319), dan tidak kepada Tanah Besar China, namun sumbangan tetap diberikan kepada kedua-dua pergerakan berkenaan melalui pembiayaan Sekolah Vernakular Cina (Purcell, 1967: 230). Malah, walaupun pihak British mengambil tindakan menafikan bantuan kepada sekolah berkenaan, namun ia tetap berdiri kukuh melalui bantuan dari Persatuan-persatuan Cina.

Menurut Comber (1983: 10-11), tindakan British melaksanakan dasar berkenaan kerana tertarik dengan nilai Kemelayuan yang berbudi (*good manners*) dan bertimbang rasa (*courtesy*) yang terungkap melalui sikap keterbukaan, baik hati dan mudah didekati (*friendly*). Begitu juga dengan Bahasa Melayu yang senang dipelajari dan menjadi semakin mudah melalui kesediaan bangsa Melayu untuk membantu, sehingga melahirkan tokoh *Malay scholar* dalam kalangan para pegawai British seperti R.J Wilkinson dan R.O Winstedt (Wilfred, 1969: 42; Ryan, 1971: 123; Khoo. 1972: 39 & 110). Menurut Roff (1975: 22 & 123) pula, kebanyakan pegawai British seperti Wilkinson dan Dusseck lebih berkecenderungan untuk

membantu kaum Melayu kerana tertarik dengan sikap berbudi, bersopan santun, beradab, kurang agresif dan sentiasa bertolak ansur dalam kehidupan seharian. Walaupun kaum Melayu pernah dikategorikan sebagai komuniti yang kurang berdaya saing berbanding dengan etnik bukan Melayu, namun mereka mengakui iaitu, jika bangsa Melayu diberi tunjuk ajar yang serius dalam bidang teknikal mereka jauh lebih mampu menghasilkan nilai kerja yang bermutu berbanding dengan etnik India. Pemilikan sifat murah hati ini juga merupakan penyebab kemasukan komuniti pendatang dari China dan India ke Tanah Melayu semasa zaman penjajahan British, sebagaimana kata Tun Abdul Razak (Laporan Majlis Gerakan Negara 1969: 1).

'...sikap murah hati dan sabar orang2 Melayu yang telah dipergunakan oleh kerajaan penjajah menyebabkan orang2 Cina dan India mencurah2 datang dan keadaan demikian terus menerus hingga tahun 30an'

Ini berbeza dengan sifat dan perlakuan yang dipaparkan oleh etnik Cina. Nilai keunggulan, kecinaan yang kental (Sinocentric) dan pragmatis menyukarkan mereka untuk setia dan menerima arahan dari etnik bukan Cina. Menurut Comber (1983: 11), walaupun mereka merupakan komuniti yang rajin, berdaya saing, bijak dan berdikari, namun pemilikan sikap kasar, kurang sabar dan bertolak ansur, tidak menepati janji dan tidak menghormati etnik bukan Cina, telah menggugat kelancaran pentadbiran British. Sebagai jalan penyelesaian, British terpaksa melantik Kapitan Cina sebagai 'orang tengah' dan kesenangan untuk mengawal seluruh etnik Cina hanya bermula setelah penubuhan '*Chinese protectorate*' dan ramai para pegawai British fasih bertutur dalam beberapa dialek Cina. Ketidaksediaan untuk berkongsi bahasa dengan komuniti bukan sebangsa diperakui oleh Harry Miller, apabila beliau cuba mempelajari beberapa dialek Cina dengan pergerakan PKM/Cina. Namun ianya gagal disebabkan sikap mereka yang sering menggunakan dialek berbeza ketika berkomunikasi (Hanrahan, 1954). Selain itu, sikap etnik Cina yang begitu terikat dengan sentimen kecinaan yang kental dan enggan tunduk kepada mana-mana pihak terutamanya kuasa bukan Cina, telah menukarkan dasar kerjasama British dalam sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Rujukan

- Abdullah Alwi. 2001. Adat Melayu mengikut perspektif orang Islam di Malaysia. *Adat Melayu serumpun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 2001. Adat dan patriotisme: Ke arah penubuhan lembaga adat Melayu Melaka dan Majlis Adat Melayu serumpun. *Adat Melayu serumpun*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Abdul Rahman Haji Ismail. 2001. *China persejarahan dan pembinaan tamadun*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara-bangsa: Proses dan Peradaban*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bavier, P.T. 1947. Nationalism and Politics in Malaya. *Foreign Affairs*, XXV/3: April.
- British in Malaya. *A Report on The 1931 Census*: 36-37.
- Carolina, López C. 2001. The British Presence in The Malay World: A Meeting of Civilizational Traditions. *Jurnal SARI*, Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Vol.19.: July: 3-33.
- Chaesman, H.R. 1946. *Education in Malaya*, Overseas Education, Vol. 17.
- Collin, A. 2004. *The Naked of Social Order and The Roots of Racial Polarisation in Malaysia*, Malaysia: Pelanduk Publication
- Comber, L. 1983. *13 May 1969 A Historical Survey of Sino Malay Relation*. Singapore: Graham Brash Pte. Ltd.
- Emerson, R. 1966. *Malaysia, A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu*. 1994. Jilid 1.
- Fairbank, J.K. 1968. A preliminary framework. In *The Chinese world order: Traditional China's Foreign Relations*. Cambridge.
- Furnivall, J. S. 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazalie Syafie. 1995. Pembinaan Bangsa Malaysia. *Pemikir*. Bil.2: Oktober-Disember.
- Hanrahan, G.Z. 1954. *The Communist Struggle in Malaya*, New York: International Secretariat Institute of Pacific Relations.
- Jayasuria, J.E. 1983. *Dynamics of Nation-Building in Malaysia*. Columbia: Sri Lanka.
- Jensen, E. 1974. *The Iban and their religion*. London: Oxford University Press
- Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Singapore: Times Books.

- Khazin Mohd. Tamrin. 2001. *Dinamika Adat dan Tradisi Merantau. Adat Melayu Serumpun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development On Malay Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Laporan Majlis Gerakan Negara. 1969 *Tragedy 13 Mei 1969*. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*, Singapore: Times Books International.
- Melko, M. 1969. *The Nature of Civilizations*. Boston: Porter Sargent Publisher.
- Milner, A. 2003. Who Created Malaysia's Plural Society. *Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, MBRAS, Vol. LXXVI, Part 2: December.
- Moore, C.A. 1967. Introduction: The Humanistic Chinese Mind. *The Chinese Mind, Essentials of Chinese Philosophy and Culture*. Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Norazit Selat. (1997). Adat antara tradisi dan kemodenan. Dalam *Meniti zaman: Masyarakat Melayu antara tradisi & moden*, (1997), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ongkili, J. 1980. *Malaysia 1946-1973: Nation-Building and The Problem of Communalism*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Philip Loh Fook Seng. 1975. *Seeds of Separatism Educational Policy in Malaya. 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Png Poh-Seng. 1962. The Kuomintang in Malaya. *Papers on Malayan History*. Tregonning, K.G. (edit). Singapura.
- Purcell, V. 1967. *The Chinese in Modern Malaya*. London: Oxford University Press.
- Ramlah Adam. 1996. *Ekonomi Masyarakat Melayu pada 1951-1955: Aktiviti RIDA, UMNO dan DATO'ONN JAAFAR. Kajian Malaysia*, Jilid XIV, No. 1 & 2: Januari/Disember
- Ratnam, K.J. 1965. *Communalism and The Political Process in Malaysia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Roff, W. 1975. *Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ryan, N.J. 1971. *The Making of Modern Malaya and Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Senu Abdul Rahman. 2002. *Revolusi mental*. Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri, B. 2004. Texts and Collective Memories: The Construction of Chinese and Chineseness from The Perspective of Malay. *Ethnic Relations and Nation-Building in Southeast Asia: The Case of The Ethnic Chinese*. Leo Suryadinata (edit). Singapore: Singapore Society of Asian Studies.
- Silcock, T.H. 1959. Industrialisation and Race Relation. *The Commonwealth Economy in Southeast Asia*. North Carolina: Duke University Press
- Sindhu, J.S. 1966. Decentralisation of Federated Malay States 1930-1934. *Peninjau Sejarah*. Vol. 1 No 1: July.
- Soh Eng Lim. 1960. Tan Cheng Lock: His Leadership of The Malayan Chinese. *Journal of Southeast Asian History* 1: March: 29-55.
- Song Ong-Siang. 1967. *One Hundreds Years' History of The Chinese in Singapore*, Singapore: University of Malaya Press.
- Swettenham, F. 1948. *British in Malaya*. London.
- Swettenham, F. 1942. *Footprints in Malaya*. London.
- Tan Liok Ee. 1988. *The rhetoric of bangsa and minzu: Community and nation in tension, The Malay Peninsula, 1900-1955*. Working Paper No.58. Melbourne University Centre For Southeast Asian Studies.
- Thomas Tsu-wee Tan. 1986. *Your Chinese Roots: The Overseas Chinese Story*. Singapore: Times Books International.
- Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Yeo Kim Wah. 1982. *The Politics of Decentralization, Colonial Controversy in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Abdul Kadir. 2000. Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu, Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wang Gungwu. 1991. *China and The Chinese Overseas*. Times Academic Press.
- Wilfred, B. 1969. *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. 1925. The circumstances of Malay life. In *papers on Malay subjects*. Kuala Lumpur.

Akhbar

Al-Ikhwan. 5 Februari 1931.